

29/09/2003

Anita tetap bersinar bak mutiara

SEJAK Anita Sarawak meninggalkan Nevada dan pulang berlabuh semula di Timur, agak lama saya tidak melihat dia beraksi di hotel kegemarannya, KL Hilton (yang sekarang sudah bergelar Mutiara KL).

Kalau dulu, di situlah Anita selalunya menghibur setiap kali tiba sambutan Minggu Setiausaha apabila dia diterbangkan khas dari Las Vegas bersama kumpulannya, American Dreams.

Namun bak kata orang tua, anak seluang jauh melaut, akhirnya kembali jua ke lubuk.

Minggu lalu, Anita diundang menjayakan persembahan istimewa selama tiga malam berturut-turut di Mutiara KL, bermula Rabu.

Kemunculan Anita di sana cukup bermakna kerana ia bersempena sambutan ulang tahun ke-30 tahun hotel berkenaan. Bagi kebanyakan warga kota, ramai tahu KL Hilton adalah antara hotel lima bintang terawal di Malaysia dan kini semakin cantik dengan pancutan air di halaman masuknya yang menghijau.

Jadi sesuai dengan imej segar hotel itu, pengurusannya terlintas mengundang Anita untuk memberikan satu persembahan kenang-kenangan kepada peminatnya terutama golongan elit. Menariknya, harga tiket ada sampai mencecah lebih RM600 seorang, tetapi yang penting, semua meja paling depan itu penuh!

Tidak lagi bersama American Dreams tetapi dibantu pemuzik tempatan yang diketuai Helen Yap, Anita memberikan persembahan yang segar dan tersendiri. Dia melangkah masuk dengan lagu rock, Remaja Teknologi, dan menyampaikan koleksi lagu yang jarang dinyanyikan dalam konsert biasa termasuk di kaca TV.

Antara lagu yang dinyanyikan dengan penuh perasaan sehingga dia sendiri sebak ialah This Is My Life, My Way dan I Who Have Nothing. Di situlah kematangan Anita terserlah kalau dibandingkan dengan kebanyakan artis lain kerana feel Anita memang sempurna apabila melontarkan setiap patah perkataan.

Penghibur yang sudah berusia lebih separuh abad itu turut memberikan persembahan yang unik apabila menyampaikan lagu P Ramlee, Getaran Jiwa, dalam rentak keroncong. Ketika ditanya, Anita memberi tahu itu idea suaminya, Mohd Mahathir, yang sukakan lagu keroncong, Begawan Solo.

Hadirin turut terpukau dengan lenggok dan lentuk tubuh anak primadona Melayu itu sewaktu menyanyikan lagu ciptaan M Nasir, Bercanda Di Pasiran Pantai yang pernah dipopularkannya bersama Allahyarham Sudir.

Hebat, walaupun, hanya menyanyikan lagu itu seorang diri, Anita tetap mempesonakan malah hilai tawanya di penghujung lagu itu tetap manja dan seksi. Itulah feel Anita yang saya katakan tadi dan artis muda lain sepatutnya belajar darinya.

Dari segi pakaian, Anita kebelakangan ini tidak lagi terlalu seksi di pentas. Kalau dulu, di ballroom yang sama, siapa yang tidak kenal Anita dengan fesyen yang menggemparkan! Namun peralihan usianya dan sejak berkahwin dengan Mahathir, corak penampilan Anita saya perhatikan sudah jauh berubah.

Untuk konsert tiga malam itu, Anita mengenakan fesyen anggun rekaan Natrah dari Butik Embun.

Di meja depan, di sudut kiri pentas, kelihatan wajah selebriti seperti Normala Samsudin, Datuk Jins Shamsudin dan Norman KRU (penerbit album pop terbaru Anita) terhibur dengan persembahan pada malam itu.

Seperti biasa, ramai juga Mat Salleh tidak ketinggalan menyaksikan konsert terbabit dan mereka turut ketawa besar setiap kali Anita membuat kelakar.

Menilai persembahan itu, dapatlah saya katakan, semangat dan tenaga

Anita masih belum pudar, seolah-olah dia boleh menyanyi 10 atau 15 tahun lagi. Bagi saya itulah mutiara yang sebenarnya bersinar di Mutiara KL.

Atau mungkin juga persembahkan Anita itu sebagai satu pemanas badan terhadap album solonya yang sedang diterbitkan Norman adik-beradik. Sama-sama kita tunggu.